

STANDARD ENTRI
PENGKATALOGAN MALAYSIA:
NAMA ORANG PERSEORANGAN

STANDARD ENTRI
PENGKATALOGAN MALAYSIA
NAMA ORANG PERSEORANGAN



Perpustakaan Negara Malaysia
Kuala Lumpur
2015

Cetakan Pertama 2015
Cetakan Kedua 2018
© Perpustakaan Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Diterbitkan oleh:
Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur
03-2687 1700
03-2694 2490
 www.pnm.gov.my
 www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia
 blogpnm.pnm.gov.my
 twitter.com/PNM_sosial

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

**STANDARD ENTRI PENGKATALOGAN MALAYSIA : NAMA ORANG
PERSEORANGAN**

ISBN 978-967-931-267-6

1. Names, Personal (Cataloging)--Malaysia.
 2. Name authority record (Information retrieval)--Malaysia.
 - I. Perpustakaan Negara Malaysia
- 025.322209595

KANDUNGAN

Sekapur Sirih		v
Penghargaan		vi - x
Prakata		xi
Pengenalan		xii - xiii
Tujuan		xiv
Skop		xv
Panduan penggunaan		xvi - xvii
Nama Melayu		
Skop		1
Latar belakang		1- 2
Panduan dalam pengkatalogan		2
Analisis Nama Melayu		2 - 67
Nama Cina		
Skop		71
Latar belakang		71 - 72
Panduan dalam pengkatalogan		72
Analisis Nama Cina		72 - 118
Nama India		
Skop		121
Latar belakang		121 - 124
Panduan dalam pengkatalogan		124
Analisis Nama India		125 - 171
Nama Etnik Bumiputera Sabah		
Skop		175
Latar belakang		175 - 176

Panduan dalam pengkatalogan		177
Analisis Nama Etnik Bumiputera Sabah		177 - 211
Nama Etnik Peribumi Sarawak		
Skop		215
Latar belakang		215 - 221
Panduan dalam pengkatalogan		221
Analisis Nama Etnik Peribumi Sarawak		221 - 244
Nama Orang Asli		
Skop		247
Latar belakang		247 - 249
Panduan dalam pengkatalogan		250
Analisis Nama Bumiputera Orang Asli		250 - 276
Nama Etnik Siam		
Skop		279
Latar belakang		279 - 280
Panduan dalam pengkatalogan		280
Analisis Nama Etnik Siam		281 - 295
Nama Etnik Portugis		
Skop		299
Latar belakang		299 - 300
Panduan dalam pengkatalogan		300
Analisis Nama Etnik Portugis		300 - 316
Bibliografi		317 - 326
Lampiran		327 - 338



SEKAPUR SIRIH

KETUA PENGARAH PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, Perpustakaan Negara Malaysia telah berjaya menerbitkan *Standard Entri Pengkatalogan Malaysia: Nama Orang Perseorangan*. Saya amat menghargai usaha dan kesungguhan Ahli Jawatankuasa bagi menghasilkan standard ini untuk dijadikan rujukan kepada pustakawan di Malaysia.

Penerbitan standard ini merupakan bukti Perpustakaan Negara Malaysia sentiasa komited memainkan peranan sebagai peneraju kepada standard perpustakaan. Saya percaya terbitan standard ini mampu membantu pustakawan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan proses pendokumentasian, khususnya dalam menentukan entri nama orang perseorangan Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum yang membentuk variasi nama.

Harapan saya agar standard yang dihasilkan ini berupaya mengangkat nama-nama pengarang Malaysia di mata dunia dengan perakuan dan diterima pakai oleh *Joint Steering Committee (JSC) Resource Description and Access (RDA)*.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memberikan kerjasama untuk menjayakan penerbitan *Standard Entri Pengkatalogan Malaysia: Nama Orang Perseorangan* ini.

Dato' Nafisah binti Ahmad

PENGHARGAAN

Perpustakaan Negara Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan *Standard Entri Pengkatalogan Malaysia: Nama Orang Perseorangan* ini. Kejayaan penerbitan standard ini merupakan hasil daripada kerjasama, sokongan serta sumbangan idea dan tenaga daripada individu dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Penghargaan dan ucapan terima kasih khas kepada:

YBhg. Dato' Raslin bin Abu Bakar
Mantan Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia

YBhg. Dato' Nafisah binti Ahmad
Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia

Puan Maizan binti Ismail
Pengarah Pembangunan Koleksi, Perpustakaan Negara Malaysia

Penyunting:
Encik Zaidi bin Ismail
Perancang Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr.
Nik Safiah Karim

Karyawan Tamu
Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya

Dr. Mohana Dass Ramasamy

Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian India,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya

Dr. Tee Boon Chuan

Ketua Unit,
Unit Sinologi Institut Pengajian Cina,
Universiti Tunku Abdul Rahman

Dr. Hj. Mohd. Sharifudin Yusop

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia

Encik Ding Seling

Ketua Unit Seksyen Orang Ulu,
Majlis Adat Istiadat Sarawak

Puan Joanna Datuk Kitingan

Pengarah
Muzium Negeri Sabah

Encik Siri Neng Buah

Tokoh Warisan Kebangsaan Orang
Hidup (WAKOH) Ke-16

Encik Joseph Sta Maria

Ahli Majlis Jaksa Pendamai
Negeri Melaka

**Ahli Jawatankuasa Kecil Kerja Standard Entri Pengkatalogan Malaysia:
Nama Orang Perseorangan – Nama Melayu**

Puan Kamariah Abu Samah (Pengerusi)	Dewan Bahasa dan Pustaka
Prof. Madya Dr. Yushiana Mansor	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Puan Salasiah Abdul Wahab	Perpustakaan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan
Puan Che' Ros Rahim	Dewan Bahasa dan Pustaka
Puan Anisatul-Wahidah Abdul Wahid	Perpustakaan Negara Malaysia
Puan Siti Manoriah Saleh	Perpustakaan Negara Malaysia
Encik Nor Amin Maidin	Perpustakaan Negara Malaysia
Puan Shamsiah Deraman	Perpustakaan Negara Malaysia

**Ahli Jawatankuasa Kecil Kerja Standard Entri Pengkatalogan Malaysia:
Nama Orang Perseorangan – Nama Cina**

Encik Amir Hussain Md Ishak (Pengerusi)	Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia/Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara
Puan Faizah Hanafiah	Jabatan Peguam Negara Malaysia
Puan Lee Seok Chu	Perpustakaan Negara Malaysia
Encik Edy Irwan Zulkafli	Perpustakaan Mahkamah Persekutuan Malaysia
Puan Nor Hidayah Othman	Perpustakaan Negara Malaysia
Encik Lai Sow Woon	Perpustakaan Negara Malaysia
Puan Toon Hoon Chin	Perpustakaan Negara Malaysia
Puan Sum Thing	Perpustakaan Negara Malaysia

**Ahli Jawatankuasa Kecil Kerja Standard Entri Pengkatalogan Malaysia:
Nama Orang Perseorangan – Nama India**

Prof. Madya Hamidah A. Rahman (Pengerusi)	Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA
Puan Dahlia Zainal	Perpustakaan Kementerian Kesihatan
Puan Siti Fatimah Wahab	Perpustakaan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Puan Aidatul Hasnida Abdul Rani	Perpustakaan Politeknik Seberang Perai
Puan Izlin Ahmad	Perpustakaan Negara Malaysia
Puan Nor Fidyawati Abdul Manan	Perpustakaan Negara Malaysia
Encik Subramaniam Kuppusamy	Perpustakaan Negara Malaysia

**Ahli Jawatankuasa Kecil Kerja Standard Entri Pengkatalogan Malaysia:
Nama Orang Perseorangan – Nama Etnik Bumiputera Sabah**

Encik Wong Vui Yin (Pengerusi)	Perpustakaan Negeri Sabah
Cik Rahimah Haji Ahmad	Pusat Sumber Penyiaran, Jabatan Penyiaran Malaysia
Puan Narwani Mahmood	Pusat Sumber, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Encik Sollehudin Hj. Samat	Perpustakaan Institut Tadbiran Awam Negara
Puan Palmela Esther Mosinoh	Perpustakaan Negeri Sabah
Puan Soh Chin Choo	Perpustakaan Negeri Sabah
Puan Nik Irfah Rumaizah Ibrahim	Perpustakaan Negara Malaysia
Puan Wan Nur Azma Wan Asik	Perpustakaan Negara Malaysia
Puan Habirah Mohamad	Perpustakaan Negara Malaysia

**Ahli Jawatankuasa Kecil Kerja Standard Entri Pengkatalogan Malaysia:
Nama Orang Perseorangan – Nama Etnik Peribumi Sarawak**

Pn. Rashidah Hj. Bolhassan (Pengerusi)	Pustaka Negeri Sarawak/Majlis Perpustakaan Awam SeMalaysia
Prof. Madya Dr. Zuraidah Abdul Manaf	Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA
Puan Hajah Che Rohana Che Omar	Perpustakaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Puan Hayati binti Sabil	Pustaka Negeri Sarawak
Encik Zulkifli Ali	Perpustakaan Kementerian Pelajaran Malaysia
Encik Ding Seling	Majlis Adat Istiadat Sarawak
Puan Aidayasmalizay Ismail	Perpustakaan Negara Malaysia
Puan Amy Zurina Abdullah	Perpustakaan Negara Malaysia
Puan Wan Maznah Md Khalil	Perpustakaan Negara Malaysia

**Ahli Jawatankuasa Kecil Kerja Standard Entri Pengkatalogan Malaysia:
Nama Orang Perseorangan – Nama Orang Asli**

Puan Anisah Yusof (Pengerusi)	Perpustakaan Institut Penyelidikan Perubatan
YBhg. Datin Jamaliah Mohd Nayan	Pusat Sumber dan Fotografi, Jabatan Penerangan Malaysia

Puan Kamariah Jaafar	Perpustakaan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri
Puan Noraini Noran	Perpustakaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Puan Shuzlina Mat Amin	Seksyen Rujukan dan Akses, Arkib Negara Malaysia
Puan Zuraidah Mohamed	Perpustakaan Negara Malaysia
Encik Hishamuddin Ramli	Perpustakaan Negara Malaysia
Cik Anis Omar	Perpustakaan Negara Malaysia

**Ahli Jawatankuasa Kecil Kerja Standard Entri Pengkatalogan Malaysia:
Nama Orang Perseorangan – Nama Etnik Siam dan Nama Etnik Portugis**

Puan Anisatul-Wahidah Abdul Wahid (Pengerusi)	Perpustakaan Negara Malaysia
Puan Zuraidah Mohamed	Perpustakaan Negara Malaysia
Encik Hishamuddin Ramli	Perpustakaan Negara Malaysia
Cik Anis Omar	Perpustakaan Negara Malaysia
Puan Shamsiah Deraman	Perpustakaan Negara Malaysia

PRAKATA

Standard Entri Pengkatalogan Malaysia: Nama Orang Perseorangan merupakan panduan yang digunakan untuk menentukan entri nama orang perseorangan dalam rekod bibliografi dan juga fail kuasa pengarang orang perseorangan. Penerbitan standard ini adalah untuk menyokong panduan pembinaan nama orang perseorangan dalam *Resource Description and Access* (RDA) berikutan tiada peruntukan atau perbincangan yang mendalam, khususnya pembinaan nama orang Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Justeru, Perpustakaan Negara Malaysia melalui Jawatankuasa Standard Katalog Kebangsaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Standard Entri Pengkatalogan Malaysia: Nama Orang Perseorangan untuk menyediakan panduan pembinaan entri bagi nama orang perseorangan Malaysia.

Panduan ini merupakan standard nama perseorangan yang pertama diterbitkan secara rasmi oleh Perpustakaan Negara Malaysia. Tujuan penyediaan standard ini adalah untuk membantu para pustakawan dalam menentukan entri nama orang perseorangan Malaysia semasa proses pendokumentasian, penghasilan entri nama pengarang Malaysia dan fail kuasa yang seragam dan berkualiti. Entri nama pengarang orang perseorangan Malaysia akan dapat dikongsi dan diperakui pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan penyertaan Malaysia di dalam *Virtual International Authority File* (VIAF) dan *Name Authority Cooperative Program* (NACO).

PENGENALAN

Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk berikutan kepelbagaian bangsa, kaum dan etnik. Melayu, Cina, India, Kadazandusun (Sabah) dan Iban (Sarawak) merupakan kaum terbesar di Malaysia. Kepelbagaian kaum dan etnik ini telah mewujudkan kepelbagaian budaya, bahasa, agama dan adat resam. Hasil daripada beberapa faktor, seperti budaya hidup dan perkahwinan antara kaum di Malaysia telah membentuk pelbagai subetnik, seperti Baba-Nyonya, keturunan Syed, Chitty dan sebagainya. Secara tidak langsung, subetnik ini telah membentuk pelbagai bentuk nama perseorangan bagi mengekalkan identiti subetnik yang tertentu.

Di Malaysia, asas nama perseorangan terdiri daripada dua (2) komponen utama, iaitu nama peribadi seseorang dan nama bapa, khususnya bagi kaum Melayu dan India. Nama orang Cina pula terdiri daripada tiga komponen yang dimulakan dengan nama keluarga. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa bentuk nama yang khusus, yang mempunyai beberapa komponen lain seperti nama yang mempunyai gelaran warisan, nama singkatan, nama yang dikaitkan dengan tempat asal, nama yang dikaitkan dengan profesion, nama yang mengandungi anugerah kebesaran, nama yang dikaitkan dengan agama, dan sebagainya. Kepelbagaian bentuk nama ini mempunyai maksud dan tujuan yang tertentu.

Dalam bidang kepustakawanan, kepelbagaian bentuk nama perseorangan di Malaysia ini telah menimbulkan kekeliruan dalam menentukan entri nama perseorangan semasa proses pengkatalogan. Masalah ini telah lama dibahaskan dan dibincangkan oleh pustakawan-pustakawan di Malaysia, iaitu lebih sedekad yang lalu. Beberapa panduan telah dirujuk dan dihasilkan bagi membantu proses menentukan entri nama perseorangan, terutamanya bagi nama Melayu dan Iban. Ini disebabkan tiada peruntukan khusus dan perbincangan yang mendalam di dalam panduan pengkatalogan, iaitu *Anglo American Cataloguing Rules (AACR)*; begitu juga di dalam *Resource Description*

and Access (RDA) yang merupakan standard pengkatalogan yang menggantikan AACR.

Bagi memastikan entri nama perseorangan direkodkan secara seragam, Perpustakaan Negara Malaysia telah berusaha menghasilkan *Standard Entri Pengkatalogan Malaysia: Nama Orang Perseorangan* sebagai salah satu panduan semasa menyediakan rekod bibliografik dan fail kuasa pengarang orang perseorangan. Panduan ini merupakan pengemaskinian daripada panduan-panduan terdahulu yang telah disediakan oleh beberapa jawatankuasa khas, seperti *Cataloguing Rules for Malay Names prepared by PPM Special Committee on Cataloguing Rules for Malay Names*, *Cataloguing Rules for Malay Names Prepared by SCAC (as published in International Cataloguing, April/June, 1974)* dan *Cataloguing Rules for Iban Names prepared by The Cataloguing Committee of the National Library of Malaysia*.

Keputusan berkaitan penetapan entri nama orang perseorangan Malaysia oleh jawatankuasa terdahulu adalah tidak terpakai setelah standard ini diterbitkan.

TUJUAN

Tujuan penyediaan standard ini adalah:

1. Sebagai panduan pembinaan entri bagi nama pengarang perseorangan Malaysia dalam rekod bibliografik dan fail kuasa.
2. Sebagai panduan dalam penyeragaman pembinaan fail kuasa nama perseorangan dan perluasan kepada *Resource Description and Access* (RDA).
3. Memperkenalkan dan mengangkat nama pengarang tempatan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pembinaan standard ini berasaskan *Resource Description and Access* (RDA). RDA telah menggariskan kaedah merekodkan entri nama perseorangan di dalam:

1. *Section 3: Recording Attributes of Person, Family, & Corporate Body*
2. *Section 9: Recording Relationships between Person, Families, & Corporate Bodies*
3. *Appendices F: Additional Instructions on Names of Person*
4. *Appendices K: Relationship Designators: Relationships Between Persons, Families, and Corporate Bodies*

SKOP

Standard ini mengandungi garis panduan pembinaan nama pengarang orang perseorangan mengikut kaum-kaum utama di Malaysia yang terdiri daripada nama Melayu, nama Cina, nama India, nama Etnik Peribumi Sarawak, nama Etnik Bumiputera Sabah, nama Orang Asli, nama Etnik Siam dan nama Etnik Portugis.

Disertakan juga maklumat sejarah ringkas setiap kaum/etnik bagi menambahkan lagi pemahaman latar belakang setiap kaum/etnik. Contoh-contoh entri turut disediakan bagi memudahkan lagi panduan pembinaan entri nama perseorangan setiap pengarang.

PANDUAN PENGGUNAAN

Contoh rekod bibliografik yang disertakan dalam standard ini bertujuan untuk:

1. Menunjukkan kedudukan nama orang perseorangan dalam rekod bibliografik (sama ada tag 100 atau 700).
2. Memberi panduan pembinaan fail kuasa nama orang perseorangan.
3. Menunjukkan perbezaan kaedah merekod nama orang perseorangan di dalam rekod bibliografik iaitu di tag 100/700 dengan tag 245.
4. Menunjukkan kaedah merekod nama orang perseorangan berdasarkan elemen-elemen bagi setiap nama.

Contoh rekod yang bertanda (**) merupakan **bukan rekod sebenar**.

Contoh rekod fail kuasa:

Tag	I1	I2	Data
040			\$a BNM \$b eng \$c BNM \$e rda
100	0		\$a Awok Batin Baba
374			\$a writer
375			\$a male
377			\$a may
400	0		\$a Awok bin Batin Baba
400	1		\$a Batin Baba, Awok
670			\$a Source: Sistem eDamak, Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia

**** Contoh ini bukan rekod sebenar**

Entri nama yang berhuruf tebal (**bold**) adalah untuk diguna pakai.

Contoh entri:

√ Puteri Al-Inshirah Megat Sapeli	←	Digunakan
X Al-Inshirah Megat Sapeli, Puteri	}	Tidak digunakan
X Puteri Al-Inshirah Sapeli, Megat		

Contoh entri:

↓		Digunakan
√ Mingli / 茗丽	←	Tidak digunakan
X Ming Li	←	

NAMA MELAYU

NAMA MELAYU

1.0 SKOP

Skop nama Melayu dalam panduan ini merangkumi nama yang dimiliki oleh bangsa Melayu Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

Di Malaysia, orang Melayu didefinisikan menurut Perlembagaan Malaysia dalam perkara 160 (2) yang menyatakan:

“Melayu” ertinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu, dan:

(a) Lahir, sebelum Hari Merdeka, di Persekutuan atau di Singapura atau ibu bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau pada Hari Merdeka, ia berdomisil di Persekutuan atau di Singapura: atau

(b) Ia adalah keturunan seseorang tersebut.

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) (1972) pula mentakrifkan, “Melayu sebagai suku bangsa yang terdapat di Semenanjung Malaysia, Thailand, Indonesia, Filipina dan Madagaskar. Melayu menandai Melayu meliputi kawasan-kawasan Austronesia lain, termasuklah kawasan di sebelah Timur yang meliputi keluarga Melanesia, Mikronesia dan Polinesia. UNESCO membahagikan kawasan Austronesia kepada kawasan Kepulauan Melayu (Austronesia Barat) dan kawasan Oceania (Austronesia Timur).”

Menurut Syed Husin Ali, ahli antropologi di Malaysia, orang Melayu itu dari segi zahirnya, “lazimnya berkulit sawo matang, berbadan sederhana besar serta tegap dan selalu berlemah lembut serta berbudi bahasa.”

Mengikut “Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2010: Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi” daripada 28.3 juta penduduk Malaysia, kumpulan etnik yang terbesar ialah Bumiputera, iaitu merangkumi 67.4% jumlah penduduk, Cina (24.6%), India (7.3%) dan lain-lain (0.7%). Dalam kalangan warganegara Malaysia, Melayu ialah bangsa utama di Semenanjung Malaysia, iaitu 63.1%, manakala Iban merekodkan 30.3% daripada jumlah keseluruhan rakyat di Sarawak, sementara Kadazan Dusun merekodkan 24.5% di Sabah.

Terdapat pelbagai pendapat dan teori berkaitan dengan asal-usul orang Melayu di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh Pusat Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia sejak Januari 2006 yang bertajuk “Menjejak Asal-usul Melayu di Semenanjung Malaysia” mendapati wujudnya kepelbagaian corak Deoxyribonucleic Acid (DNA) yang terdapat dalam masyarakat Melayu moden hari ini. Ini mungkin berlaku kerana percampuran dengan orang Arab, Cina dan India dan menyokong fakta sejarah yang pernah menyebut Kerajaan Melayu Melaka satu ketika dahulu sebagai kerajaan yang gemilang dan kedatangan pedagang dari China, India dan Arab menyebabkan berlakunya perkahwinan campur. Kini, kebanyakan penduduk Malaysia mempunyai darah kacukan Melayu-Arab, Melayu-India, Melayu-Cina, Melayu-Champa dan lain-lain. Hasilnya, terjadilah pelbagai bentuk nama Melayu yang mempunyai unsur-unsur setiap subetnik tersebut.

3.0 PANDUAN DALAM PENGKATALOGAN

Dalam *Resource Description and Access* (RDA), panduan asas menentukan entri bagi nama Melayu adalah:

Section 3: Recording Attributes of Person, Family, & Corporate Body

Chapter 9: Identifying Persons.

Section 9: Recording Relationship between Person, Families, & Corporate Bodies

Appendices F: Additional Instructions on Names of Persons

F.7: Malay Names

Appendices K: Relationship Designators: Relationship Between Persons, Families, and Corporate Bodies

4.0 ANALISIS NAMA MELAYU

Nama Melayu kebiasaannya terdiri daripada tiga (3) struktur, iaitu nama peribadi + petunjuk keturunan (*filial*) + nama bapa. Nama peribadi merupakan nama pengarang orang perseorangan yang terdiri daripada nama tunggal (satu (1) perkataan) ataupun majmuk (mengandungi dua (2)

patah perkataan atau lebih); begitu juga keadaannya dengan nama bapa. Petunjuk keturunan (*filial*) pula ialah petunjuk yang terdapat di antara nama peribadi pengarang dan nama bapa. Petunjuk keturunan dinyatakan sebagai "bin", "binti" atau "ibni" sama ada ditulis secara penuh ataupun singkatan.

Bentuk-bentuk nama Melayu adalah seperti yang berikut:

4.1 Nama perseorangan (tunggal) + nama bapa (tunggal)

Pernyataan nama perseorangan berserta nama bapa berbentuk tunggal dan tiada pernyataan keturunan (*filial*), iaitu bin/binti/ibni.

Arahan:

Entri nama pengarang direkod secara **TERUS**.

Contoh:

Abdullah	Sidek
(Nama perseorangan - tunggal)	(Nama bapa - tunggal)

Contoh entri:

- ✓ **Abdullah Sidek**
X Abdullah bin Sidek
- ✓ **Othman Puteh**
X Othman bin Puteh
- ✓ **Fatimah Abdullah**
X Fatimah binti Abdullah
- ✓ **Zaharah Nawawi**
X Zaharah binti Nawawi
- ✓ **Ramli Isin**
X Ramli bin Isin